

01/02/2003

Pas sedia beri laluan calon wanita

KOTA BHARU: Pas Kelantan sedia memberi laluan kepada wanita di negeri itu

untuk menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata muslimat Pas yang berasa layak memikul tanggungjawab terbabit dan diterima masyarakat sebagai pemimpin, boleh dipertimbangkan untuk diketengahkan sebagai calon.

"Bagaimanapun, hingga sekarang belum ada mesyuarat diadakan bagi menentukan siapa (wanita yang layak menjadi calon)," katanya mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, semalam, parti itu akan meletakkan calon wanita bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Abdul Hadi berkata, parti itu mempunyai ramai wanita profesional yang boleh diketengahkan sebagai calon.

Menteri Besar Kelantan itu juga menyatakan kesediaan pihaknya mengambil tindakan terhadap guru sekolah agama rakyat (SAR) yang mengajar perkara bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Sehubungan itu, katanya, mana-mana pihak yang mempersoalkan kredibiliti guru di sekolah berkenaan diminta tampil dengan bukti bagi menyokong dakwaan berkenaan.

"Saya dah tanya siapa dia yang mengajar tidak ikut agama ini... siapa dia, tunjukkan orangnya.

"Kalau di Kelantan ni ada yang berbuat demikian (mengajar perkara bertentangan Islam), saya akan ambil tindakan," katanya selepas menyampaikan sumbangan sempena sambutan Tahun Baru Cina di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa tindakan tidak mengekalkan SAR adalah kerana kerajaan dan Umno mahu menyelamatkan pelajaran agama Islam serta penuntut sekolah itu daripada dididik dengan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari ada pihak cuba menyelamatkan SAR sehingga sanggup mengadakan solat hajat walaupun pada hakikatnya SAR tidak mengajar Islam, sebaliknya ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Nik Abdul Aziz bagaimanapun menyifatkan kenyataan Dr Mahathir itu cenderung sebagai 'cakap yang tidak mempunyai hujah'.

"Itu semua cakap atas angin saja," katanya.